

12 JUN 2002

Hishammuddin-IPTS

KABINET SETUJU BILANGAN PELAJAR BUMIPUTERA DI IPTS DITAMBAH

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Kabinet hari ini bersetuju dengan pendirian Pergerakan Pemuda Umno bahawa bilangan kemasukan pelajar bumiputera ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) perlu dipertingkatkan.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata jemaah menteri juga membuat keputusan bahawa penambahan itu adalah spesifik kepada kemasukan pelajar Bumiputera ke dalam kursus-kursus dan juga IPTS tertentu.

"Pemuda Umno ingin menegaskan kuota bukanlah isu utama yang diperjuangkan tetapi lebih kepada usaha memastikan penambahan bilangan kemasukan pelajar bumiputera ke IPTS di seluruh negara," katanya.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata demikian selepas melancarkan promosi perlumbaan lumba basikal Gamuda Eagle Tour of Malaysia 2002 di pejabatnya di sini hari ini.

Perlumbaan itu akan berlangsung di Langkawi dari 14 hingga 18 Ogos ini.

Isu kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTS menjadi "panas" berikutan kenyataan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang disifatkan oleh Hishammuddin sebagai angkuh dan tidak sensitif kepada perpaduan kaum kerana menyatakan bumiputera tidak memerlukan kuota 10 peratus bagi kemasukan ke IPTS.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan Dr Ling dan Hishammuddin bertemu dan berbincang berhubung isu itu.

Hishammuddin berkata pendirian Pemuda Umno jelas bersandarkan kepada tiga agenda utama iaitu untuk merealisasikan integrasi nasional dalam bidang pendidikan dan memastikan kecemerlangan dan persaingan sihat dalam bidang pendidikan.

Ia juga bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan dalam peluang pendidikan di antara kaum selain antara anak-anak desa dan bandar, katanya.

Mengenai pertemuan beliau dengan Dr Ling yang dijadualkan hari ini, Hishammuddin berkata pemimpin tertinggi MCA itu kini berada di Eropah untuk mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Luxemburg.

"Bagaimanapun, beliau (Dr Ling) telah mengarahkan Datuk Ong Ka Ting supaya menyampaikan pesanan beliau kepada saya. Beliau telah menyatakan bahawa MCA bersedia untuk membantu hasrat Pemuda Umno mencapai objektif di atas (penambahan bilangan pelajar bumiputera di IPTS," katanya.

Hishammuddin berkata beliau akan bertemu dengan Dr Ling sekembalinya beliau ke tanah air bagi membincangkan perkara itu dalam konteks persefahaman dan saluran Barisan Nasional.

"Pada peringkat ini, Pemuda Umno akan mewujudkan sebuah jawatankuasa khas yang diketuai oleh Pengerusi Biro Pendidikan, Dr Adham Baba bagi mendalami isu-isu tersebut selain bekerjasama rapat dengan IPTS," katanya.

-- BERNAMA

ERE ZS MOZ